

Ruj. Kami: ANM.PK.D/600-2/5 Jld 2(50)
Tarikh: 04 Ogos 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

PENYERAGAMAN PERIHAL BAGI BAYARAN - KETIADAAN MAKLUMAT NOMBOR KAD KREDIT KORPORAT DI NOTIFIKASI iGFMS BAGI PEMBAYARAN KAD KREDIT KORPORAT

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan para 5.3.2(4) **Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 4 Tahun 2022 : Penggunaan Kad Kredit Korporat Kerajaan Di Kementerian/Jabatan** bertarikh **21 Disember 2022** adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab menyatakan dengan lengkap pada ruangan **perihal** Arahan Pembayaran (Invois Tanpa Pesanan Tempatan - K2) bagi rujukan pihak bank untuk proses *reconciliation* apabila bayaran telah diterima. Berikut adalah maklumat penting yang perlu diisi:

{ Nombor akaun kad, bulan dan tahun tuntutan }

3. PTJ hendaklah memastikan perihal bayaran adalah lengkap dan tepat. Sekiranya PTJ gagal mematuhi garis panduan yang dikeluarkan, Arahan Pembayaran akan **dikuiri** oleh pihak Pejabat Perakaunan.

4. Kerjasama daripada YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**